

# HAK SAKSI DALAM RAKAMAN PERCAKAPAN



---

MAZLAN BIN YAHYA  
Pengarah  
Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan  
Jabatan Perdana Menteri

# PERCAKAPAN DALAM PEMERIKSAAN SAKSI

---

## PERCAKAPAN SAKSI

- Pegawai Polis atau mana-mana agensi penguatkuasa yang membuat siasatan,
  - boleh menemuduga secara lisan mana-mana orang yang mengetahui fakta-fakta kejadian dan kemudian hendaklah diperturunkan dengan tulisan sebarang percakapan yang dibuat oleh orang itu dibawah Sek. 112 KAJ.
- Percakapan yang dibuat di bawah Sek. 112 KAJ menjadi admissible (sah)
  - jika orang yang membuat percakapan itu dituduh kemudiannya kerana melakukan kesalahan.

# SEBELUM RAKAMAN PERCAKAPAN

---

1. Dirakam oleh pegawai Inspektor ke atas atau yang diberikan kuasa.
2. Orang itu hendaklah diberitahu bahawa ia wajib menjawab semua soalan yang diajukan kepadanya tetapi beliau boleh menolak dari menjawab apa-apa soalan yang mungkin mendedahkan kepada tuduhan jenayah, denda atau perampasan.
3. Hendaklah diberitahu bahawa ia diwajibkan dari segi undang-undang supaya menjawab semua soalan yang dikemukakan kepadanya dan menyatakan yang benar.
4. Di dalam merakamkan percakapan beramaran, pegawai perakam tidak boleh menggunakan pujukan, ugutan dan janji.

# SELEPAS PERCAKAPAN

---

- Kertas Rakaman Percakapan akan dibacakan balik untuk menentukan sama ada penambahan, pindaan atau pembatalan hendak dibuat jika ada minta Saksi membuat tanda parap@initial, begitu juga pegawai perakam/jurubahasa.
- Saksi dikehendaki menandatangani/menurun cap jari selepas percakapan dibuat.
- Ini termasuk tanda tangan pegawai perakam/jurubahasa

## HJ. ABDUL GHANI ISHAK & ANOR [1980] 2 MLJ 196

---

Di bawah Sek. 112 KAJ seseorang pegawai penyiasat tidak perlu (tidak payah memberi amaran kepada orang yang hendak memberi percakapan seperti dikehendaki di bawah Sek. 113 KAJ kerana:-

1. ia tidak dituduh melakukan kesalahan
2. ia tidak (bukan) dalam tangkapan polis semasa percakapan (pernyataan) itu diambil.

## **PERCAKAPAN YANG DIBERI MESTILAH TEPAT DAN MENGANDUNGI FAKTA-FAKTA YANG RELEVAN SAHAJA.**

---

- Semua percakapan yang telah dibuat di bawah Sek.112 KAJ oleh seseorang dan kemudiannya ditangkap dan dituduh melakukan sesuatu kesalahan dan jika percakapan ini dirakam mengikut peruntukkan Sek. 112 KAJ adalah admissible (sah) sebagai keterangan walaupun tiada amaran diberikan kepadanya.
- Sesudah ditangkap, amaran tidak perlu diberikan kepadanya.

# TANDATANGAN SAKSI

---

Segala percakapan yang dibuat oleh saksi-saksi kepada pegawai penyiasat hendaklah ditandatangani oleh saksi-saksi.

# BENTUK RAKAMAN PERCAKAPAN

---

- Tidak menjadi suatu kemestian bahawa percakapan-percakapan saksi dirakam dibawah Sek.112 KAJ di dalam masa penyiasatan polis dibuat di dalam bentuk soal-jawab (Pol.51C).
- Adalah dibolehkan dan sepatutnya dibuat di dalam bentuk penceritaan.
- Hanya penekanan fakta relevan dalam bentuk soal dan jawab.

# PENUTUP RAKAMAN PERCAKAPAN

---

Percakapan hendaklah dibaca kepada saksi yang telah memberikannya dan sebagai penutup perlu ditanya 2 soalan.

Soalan yang berikut dan mencatatkan jawapan-jawapan yang diberikan oleh saksi-saksi:-

S: Adakah percakapan ini adalah sebenarnya merupakan semua yang anda ketahui mengenai perkara ini?

J: .....

S: Adakah anda mahu menambahkan atau membuat apa-apa pindaan?

J: .....

# PENGESAHAN DAN TANDATANGAN SAKSI

---

Perkataan-perkataan di 'Hadapan saya' dengan tandatangan saksi, jurubahasa jika ada,

Pegawai perakam hendaklah disertakan di penghujung percakapan itu dan ditandatangani pada tiap-tiap muka surat.

## Inferens S.114(g) Akta Keterangan 1950

---

- Percakapan aduan hendaklah ditandakan sebagai A<sub>1</sub>, lain-lain saksi pendakwa dan pembela sebagai A<sub>2</sub>, A<sub>3</sub> dan seterusnya.
- Saksi-saksi yang didapati memberi fakta-fakta yang tidak berkaitan tidak perlu dirakamkan percakapan mereka. Akan dijadikan Saksi Pengecaman.
- Sungguhpun begitu apabila sesuatu percakapan dirakamkan saksi-saksi itu hendaklah dipanggil supaya hadir semasa perbicaraan, jika tidak pembela akan menuduh pendakwa menyembunyikan saksi-saksi (rujuk Sek. 114(g) Akta Keterangan 1950).

# JUMLAH DAN BILANGAN SAKSI

---

- Sek. 134 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan tiada ada had bilangan tertentu mengenai saksi-saksi yang diperlukan untuk membuktikan mana-mana fakta.
- Pematuhan kepada kerelавanan fakta dalam membuktikan fakta dalam isu.

SEKIAN.  
TERIMA  
KASIH